

UM/WATERWARRIORS/2018/009

28 Mei 2018

**Tuan Ahmad Zubir Sopian**

Pengarah  
Bahagian Alam Sekitar, Tasik dan Wetland  
Kompleks Perbadanan Putrajaya  
24, Persiaran Perdana,  
Presint 3, 62675 Putrajaya,  
Malaysia.

(U.P: Cik Normaliza Noordin, Penolong Pengarah)

Tuan,

### **LAWATAN TEKNIKAL WATER WARRIORS UM KE WETLAND PUTRAJAYA**

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa kami daripada Water Warriors, Universiti Malaya ingin melakukan lawatan teknikal ke Wetland Putrajaya yang dikendali oleh Bahagian Alam Sekitar, Tasik dan Wetland, Perbadanan Putrajaya. Untuk makluman, Water Warriors UM merupakan sebuah projek di bawah program *Living Labs* oleh Kluster *Sustainability Science Research* Universiti Malaya.

3. Tujuan lawatan ini adalah untuk melawat ke tapak lokasi wetland, membincangkan hal-hal berkaitan pengurusan serta penyelenggaraan sistem wetland. Berikut adalah maklumat mengenai lawatan tersebut:

Tarikh	: 1 Jun 2018 (Jumaat)
Masa	: 9.00 pagi – 11.00 pagi
Bilangan pelawat	: 3 – 5 orang

4. Sebarang pertanyaan mahupun kesulitan, pihak Tuan boleh hubungi En. Affan Nasaruddin di talian 012-2072354 atau [affan1990@hotmail.com](mailto:affan1990@hotmail.com). Kerjasama daripada pihak Tuan dalam perkara ini amatlah dihargai dan diucapkan ribuan terima kasih.

Sekian.

Yang benar,



**DR. ZEEDA FATIMAH MOHAMAD**

Ketua Penyelidik  
Water Warriors  
UM *Living Lab Grant Programme*  
Kluster *Sustainability Science Research*  
Universiti Malaya